



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI)  
KENYATAAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkeelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam kategori dan pengkhususan berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja/bekalan berikut:

| BUTIRAN SEBUTHARGA  | TAKLIMAT SEBUTHARGA  | KOD BIDANG PENDAFTARAN   | HARGA DOKUMEN | TARIKH TUTUP                |
|---|--|--|---------------|-----------------------------|
| Sebutharga LPP (HQ) Bil. 40/2019<br><br>Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyelenggaraan Mesin Penapis Air Untuk Menara Lembaga Pertubuhan Peladang Sebanyak 21 Unit Selama 2 Tahun | 17 Disember 2019 (Selasa)<br>Jam 10.00 pagi<br><br>Bilik Mesyuarat<br>Tan Sri Dato' Zainal<br>Dahakan, Aras 5<br>Menara Lembaga<br>Pertubuhan Peladang<br>No 20 Jalan Sultan<br>Salahuddin<br>50480 Kuala Lumpur<br>Malaysia | 221502<br>Perkhidmatan<br>Penyewaan Dan<br>Pengurusan<br>Mesin Dan<br>Peralatan<br>Pejabat | Percuma       | 23 Disember 2019<br>(Isnin) |

Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat Sebutharga seperti tarikh dan alamat di atas. Pembekal yang tidak hadir taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan. Wakil Syarikat **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan mengambil dokumen. Hanya Pemilik Syarikat / Penama yang dibenarkan menghadiri taklimat dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** Untuk Pengesahan.

Dokumen sebutharga boleh diambil di alamat berikut pada waktu pejabat jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **17 Disember 2019 (Selasa) hingga 23 Disember 2019 (Isnin)**.

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
CAWANGAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN,  
ARAS 8B MENARA LPP, NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50480 KUALA LUMPUR (Tel: 03-26109600)**

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil pembekal hendaklah membawa **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**.

Dokumen sebutharga yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen serta dicatatkan nombor sebutharga di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas Jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh Iklan : 12 Disember 2019 (Khamis)